



# The Observer

03.11.2021

Surat berita mingguan, *The Observer* kini tersedia dalam Bahasa Melayu. Versi terjemahan akan dimuat naik pada setiap hari Isnin. Sila layari [www.mswg.org.my](http://www.mswg.org.my) untuk maklumat lanjut.

Ikuti juga akaun Twitter MSWG di @MSWGMalaysia dan kongsi pendapat anda tentang ciapan kami dari semasa ke semasa.

## ❖ Risiko Penumpuan Pelanggan: Bagaimana pergantungan berlebihan kepada satu pelanggan utama boleh menjadi ancaman besar kepada perniagaan

Terdapat beberapa pengajaran tidak ternilai yang boleh dipelajari oleh syarikat dan pelabur daripada kalangan orang awam berikutan kejatuhan ATA IMS Bhd baru-baru ini.

Jika dilihat dari perspektif perniagaan semata-mata, penyedia perkhidmatan pembuatan elektronik (*electronic manufacturing services, EMS*) yang beribu pejabat di Johor itu beroperasi dalam risiko penumpuan pelanggan yang sangat tinggi sehinggakan kehilangan seorang pelanggan mampu melumpuhkan sebahagian besar aliran pendapatannya.

Keputusan pembuat perkakas rumah berteknologi tinggi, Dyson Ltd baru-baru ini, untuk menamatkan kontraknya dengan ATA IMS atas alasan dakwaan penderaan buruh, telah mengejutkan syarikat dan pemegang sahamnya. Jualan kepada Dyson menyumbang lebih 80% daripada pendapatan ATA IMS.

Dalam makluman kepada Bursa Malaysia bertarikh 25 November, ATA IMS mengumumkan telah menerima tiga notis penamatan kontrak pada 24 November daripada Dyson Operations Pte Ltd dan Dyson Manufacturing Sdn Bhd, berkenaan kontrak yang berkuat kuasa pada 1 Jun 2022:

- Perjanjian pengilangan kontrak bertarikh 15 Oktober 2020 antara Dyson Operations dan anak syarikat milik penuhnya ATA Industrial (M) Sdn Bhd ("ATAIM");
- Perjanjian bagi bekalan barangan dan perkhidmatan bertarikh 1 Mac 2013 antara Dyson Manufacturing dan ATAIM; dan
- Perjanjian rangka kerja bagi bekalan barangan (perkakasan) bertarikh 17 Jun 2009 antara Dyson Manufacturing dan ATAIM.

Menjawab pertanyaan Bursa Malaysia mengenai impak kewangan dan operasi yang timbul daripada penamatan kontrak Dyson, ATA IMS menganggarkan pendapatannya untuk tahun kewangan berakhir 31 Mac 2022 akan menyusut kira-kira

30% berbanding tahun kewangan 2021 dan penurunan 40% dalam pendapatan pada tahun kewangan 2023. Syarikat mengambil langkah pemotongan kos sebagai tindak balas kepada penamatan kontrak.

Selain itu, penamatan kontrak tersebut dijangka menyebabkan kerugian kepada ATA IMS dari sudut rosot nilai hartanah, loji dan peralatan, penurunan nilai ke atas hak untuk menggunakan aset, inventori untuk bahan mentah dan komponen.

### **Sudah jatuh ditimpa tangga**

Kejadian ini ibarat malang berganda kerana ATA IMS sebelum ini mencatatkan kerugian bersih berjumlah RM11.17 juta bagi suku kedua berakhir 30 September 2021 untuk tahun kewangan 2022 berbanding keuntungan bersih RM52.29 juta setahun lalu.

Walau bagaimanapun, dalam taklimat penganalisis, pengurusan ATA dipetik oleh AmResearch kerana mendakwa unjuran pesanan syarikat kekal tinggi walaupun mengalami kekangan dalam tenaga kerja.

"ATA IMS sedang dalam proses mendapatkan kelulusan khas daripada Kerajaan Malaysia untuk membawa masuk tambahan 5,000 pekerja menjelang Mac 2022, pada masa yang sama mengunjurkan pendapatan tahunan sebanyak RM1.9 bilion hingga RM2.1 bilion selepas penamatan kontrak dengan pelanggan utamanya yang berkuat kuasa 1 Jun 2022," menurut firma penyelidikan itu.

"Selain itu, ATA IMS masih menjangka operasinya akan tetap menjana keuntungan walaupun selepas penamatan kontrak dengan Dyson. Syarikat mengunjurkan margin keuntungan sebelum cukai sebanyak 5% (berbanding 1% pada setengah tahun pertama tahun kewangan 2022), sebahagian besarnya bergantung kepada kos kewangan yang jauh lebih rendah ditambah dengan kadar operasi yang lebih ringan."

Walau bagaimanapun, AmResearch tidak berkongsi prospek yang optimistik itu. Sebaliknya, firma penyelidikan ini mengekalkan unjuran kerugian syarikat pada tahun kewangan 2022, 2023 dan 2024, dengan hanya mencerminkan pertumbuhan organik daripada baki pelanggan Kumpulan yang sedia ada serta beberapa pesanan kecil baharu yang akan diperolehi pada tahun kewangan 2023 dan 2024 pada margin keuntungan kasar antara 2% hingga 2.5% daripada ketidakekonomian mengikut bidang.

"Kami berpendapat, ATA IMS bukan dalam kedudukan paling baik untuk berunding dengan bakal pelanggan baharu," menurut AmResearch. "Oleh itu, kami percaya ATA akan menempuh laluan berliku untuk pulih daripada krisis semasa, diburukkan lagi oleh krisis kekurangan buruh yang belum berkesudahan."

Secara keseluruhannya, AmResearch mengulangi penarafan "jual" ke atas ATA IMS dengan nilai saksama yang lebih rendah iaitu 30 sen (daripada 56 sen sebelum ini).

### **Pengajaran dari masa lalu**

Sekilas pandang, kebergantungan yang berlebihan oleh ATA IMS kepada satu pelanggan utama mengingatkan kembali situasi yang dihadapi oleh Tien Wah Press

Holdings Bhd pada tahun 2016 apabila tersebarlynya berita bahawa British American Tobacco (M) Bhd ("BAT") telah menutup kilang pembuatannya di Petaling Jaya.

Ibarat Dyson kepada ATA IMS, BAT merupakan pelanggan utama Tien Wah yang mempunyai kepakaran dalam perkhidmatan percetakan untuk pembungkusan tembakau.

Perjanjian Tien Wah dan BAT bermula sejak tahun 2008 apabila Tien Wah, bersama pemegang saham utamanya New Toyo International Holdings Ltd berjaya membida perjanjian pembekalan eksklusif untuk tempoh tujuh tahun dengan hak lanjutan tiga tahun tambahan untuk membekalkan keperluan karton bercetak BAT di Australasia, Vietnam, Singapura dan Malaysia.

Perjanjian ini kemudiannya dilanjutkan pada 13 November 2014 untuk tambahan setahun dari tempoh tujuh tahun yang sedia ada, iaitu dari 31 Oktober 2015 hingga 31 Oktober 2016, berserta hak untuk melanjutkan tempoh tambahan selama tiga tahun.

Memandangkan permintaan seperti yang dinyatakan dalam perjanjian itu merupakan perniagaan teras Tien Wah, BAT Malaysia membuat keputusan untuk mendapatkan produk tembakau daripada syarikat-syarikat berkaitannya di rantau ini dan bukannya menanam sendiri yang mana akan memberi kesan terhadap pendapatan Tien Wah.

Walaupun berdepan pelbagai ketidakpastian, Tien Wah bukan sahaja mampu mengatasi masalah ini, malah dapat melindungi kontraknya dan berjaya merundingkan semula kontrak tersebut untuk masa depan. Ini dibuktikan oleh kejayaannya mendapatkan tempoh lanjutan selama lima tahun untuk membekalkan karton bercetak kepada BAT pada 18 Mac 2020.

Walaupun semuanya berakhir dengan baik dalam kes Tien Wah, tiada siapa dapat menjamin sama ada ATA IMS bakal menerima nasib yang sama disebabkan syarikat diselubungi kontroversi berikutan penamatan kontrak oleh Dyson.

### **Ujian litmus ke atas faktor alam sekitar, sosial dan tadbir urus (*Environmental, Social and Governance, ESG*)**

Sebagai sebuah syarikat multinasional yang membawa jenama antarabangsa, kita memahami bahawa reputasi adalah segala-galanya bagi Dyson. Sudah tentu ia tidak mahu dilabelkan sebagai syarikat yang menyokong buruh paksa.

Walau bagaimanapun, ATA IMS bukanlah syarikat awam tersenarai (*public listed company, PLC*) pertama Malaysia yang dikenakan tindakan atas dakwaan penderaan buruh. Sudah banyak kes pembuat sarung tangan dan syarikat perladangan gergasi Malaysia dikenakan Perintah Tahanan Pelepasan (*Withhold Release Order, WRO*) oleh Jabatan Kastam dan Perlindungan Sempadan Amerika Syarikat (*US Customs and Border Protection, CBP*) disebabkan amalan buruh paksa.

Namun, melihat harga saham ATA IMS menjunam daripada paras tertinggi dalam tempoh empat minggu iaitu RM2.60 kepada paras terendah dalam tempoh empat tahun iaitu 38 sen (intra-hari) pada 30 November, sememangnya agak membimbangkan.

Ini ditambah lagi dengan peletakan jawatan pengarah bukan eksekutif bebasnya (*independent non-executive director*, INED) Wong Chin Chin berkuat kuasa 29 November disebabkan “perbezaan pendapat” dengan lembaga pengarah ATA IMS.

Sebagai makluman, Wong, 56 tahun, telah berkhidmat sebagai pengarah syarikat selama hampir lima tahun sejak 21 Mac 2017, menurut pemfailan bursa saham sebelum ini apabila syarikat itu dikenali sebagai Denko Industrial Corp Bhd. Wong juga pernah berkhidmat sebagai ahli jawatankuasa audit dan ahli jawatankuasa pencalonan dan imbuhan ATA IMS.

Selain peletakan jawatan lembaga pengarah, situasi ATA IMS bertambah teruk apabila Kementerian Sumber Manusia bercadang untuk mendakwa syarikat itu di mahkamah jika terdapat bukti berlaku amalan buruh paksa di premisnya.

Menurut ATA IMS, mereka telah melantik sebuah firma guaman profesional dan bereputasi baik di Malaysia untuk menjalankan siasatan bebas terhadap dakwaan penderaan fizikal oleh seorang bekas pekerja mereka yang kini dianggap sebagai tukang adu.

Memandangkan ATA IMS masih berusaha untuk mencari jalan keluar daripada kesulitan ini, peristiwa ini memberikan suatu pengajaran berharga kepada PLC yang bergantung kepada tenaga kerja intensif buruh dalam operasi perniagaan mereka. Faktor ESG (alam sekitar, sosial dan tadbir urus) bukan sahaja perlu dipertimbangkan oleh syarikat-syarikat di Malaysia malah dengan sekelip mata ia boleh mengganggu gugat prestasi operasi dan kewangan sesebuah syarikat.

**Devanesan Evanson**  
**Ketua Pegawai Eksekutif**

---

### **Tinjauan Mingguan AGM/EGM MSWG untuk tempoh 6 hingga 10 Disember 2021**

Berikut adalah AGM/EGM syarikat-syarikat di bawah senarai pemantauan Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG) pada minggu ini.

Ringkasan perkara penting disenaraikan di bawah, manakala butiran terperinci soalan yang diajukan kepada syarikat boleh didapati di laman web MSWG di [www.mswg.org.my](http://www.mswg.org.my)

<b>Tarikh dan Masa</b>	<b>Syarikat</b>	<b>Tinjauan ringkas</b>
06.12.21 (Isnin) 11.00 pagi	Tiger Synergy Bhd (AGM)	Kumpulan mencatatkan pendapatan yang lebih rendah berjumlah RM12.54 juta bagi tempoh kewangan 18 bulan berakhir 30 Jun 2021, berbanding RM19.85 juta pada tahun kewangan 2019. Penurunan ini sebahagian besarnya disebabkan oleh penurunan jualan daripada segmen perkhidmatan kayu kayan dan kelewatan

		pelancaran projek baharu, kedua-duanya diakibatkan pandemik COVID-19.
06.12.21 (Isnin) 12.00 tengah hari	Tiger Synergy Bhd (EGM)	Syarikat bercadang untuk melaksanakan Skim Opsyen Saham Pekerja ( <i>Employee Share Option Scheme, ESOS</i> ) yang melibatkan sehingga 15% daripada jumlah bilangan saham terbitan Syarikat untuk pengarah dan pekerja Syarikat yang layak serta anak-anak syarikatnya.
07.12.21 (Selasa) 09.30 pagi	YTL Power International Bhd (AGM)	<p>YTL Power mencatatkan pendapatan yang lebih tinggi berjumlah RM10.78 bilion untuk tahun kewangan 2021 berbanding RM10.64 bilion pada tahun kewangan sebelumnya. Sementara itu, keuntungan sebelum cukainya meningkat 49.1% kepada RM633.8 juta berbanding RM425.2 juta tahun lepas.</p> <p>Walau bagaimanapun, perubahan dalam peraturan cukai United Kingdom telah menjejaskan keuntungan selepas cukai syarikat, menghasilkan kerugian bersih berjumlah RM103.1 juta.</p> <p>Di samping itu, syarikat sedang dalam proses memperoleh loji janakuasa dan aset berkaitan Tuaspring Pte Ltd dan sedang berusaha mengkomersialkan projek penjanaan kuasa APCO di Jordan.</p>
07.12.21 (Selasa) 10.30 pagi	MK Land Holdings Bhd (AGM)	Walaupun pendapatan menyusut 8%, MK Land menutup tirai tahun kewangan 2021 dengan keuntungan bersih berjumlah RM19.4 juta, iaitu lebih sekali ganda berbanding RM9.7 juta pada tahun sebelumnya.

07.12.21 (Selasa) 01.30 petang	YTL Corporation Bhd (AGM)	Syarikat perlu mengkaji semula strategi segmen operasi perhotelannya yang mengalami prestasi paling teruk pada tahun kewangan 2021. Segmen ini mengalami kerugian sebelum cukai berjumlah RM153 juta pada tahun kewangan 2021 berbanding keuntungan sebelum cukai berjumlah RM96 juta pada tahun kewangan 2020. Kehadiran pandemik menyaksikan sekatan perjalanan di seluruh dunia dan situasi ini dijangka tidak berubah dalam masa terdekat. Malah operasi perhotelan dijangka mengalami kerugian yang berlanjutan melainkan jika Syarikat membuat keputusan untuk keluar daripada perniagaan tersebut.
07.12.21 (Selasa) 03.00 petang	MESB Bhd (AGM)	MESB telah menubuhkan portal jualan dalam talian untuk meningkatkan jualan sewaktu pandemik. Sekatan keluar masuk dan perintah kawalan pergerakan yang berterusan menyebabkan ramai pelanggan terpaksa duduk di rumah. Ini menyebabkan jualan dalam talian berkembang pesat. Syarikat perlu memperuntukkan lebih banyak sumber untuk meningkatkan kehadirannya dalam talian kerana inilah norma baharu perniagaan untuk terus maju ke hadapan.
07.12.21 (Selasa) 04.30 petang	Malayan Cement Bhd (AGM)	Walaupun berdepan persekitaran yang mencabar, Syarikat berjaya memperoleh keuntungan bersih berjumlah RM8.2 juta pada tahun kewangan 2021 berbanding kerugian sebelum cukai RM316 juta pada tahun kewangan 2020. Sektor

		<p>pembinaan terjejas teruk akibat pandemik yang menyaksikan penyusutan dalam permintaan simen. Pandemik COVID-19 dilihat seakan tidak berpenghujung, justeru terus menyebabkan kelembapan dalam sektor pembinaan, sekaligus mempengaruhi permintaan terhadap simen.</p>
08.12.21 (Rabu) 09.30 pagi	Multi-Usage Holdings Bhd (AGM)	<p>Kumpulan mencatatkan pendapatan berjumlah RM20.393 juta untuk tahun kewangan 2021, melonjak 394.62% berbanding RM4.123 juta pada tahun kewangan 2020.</p> <p>Seiring peningkatan dalam pendapatan, syarikat mencatatkan keuntungan sebelum cukai berjumlah RM7.187 juta untuk tahun kewangan 2021 berbanding kerugian RM3.091 juta untuk tahun kewangan 2020. Peningkatan prestasi ini sebahagian besarnya disumbangkan oleh segmen pembangunan hartanah.</p>
08.12.21 (Rabu) 10.00 pagi	Gamuda Bhd (AGM)	<p>Keuntungan Gamuda bagi tahun kewangan meningkat 56% kepada RM588.3 juta daripada RM376.5 juta pada tahun kewangan sebelum ini. Ini berikutan pendapatan yang lebih kukuh daripada segmen pembinaan dan hartanah. Tambahan pula, pada tahun kewangan lepas, terdapat rosot nilai bukan tunai sekali sahaja untuk aset Sistem Binaan Berindustri (<i>Industrialised Building System, IBS</i>) berjumlah RM148.1 juta.</p>
08.12.21 (Rabu) 10.30 pagi	Top Glove Corporation Bhd (EGM)	<p>Top Glove sedang mempertimbangkan Penyenaraian di Bursa Saham Hong Kong dan kemuncak Penyenaraian ini bakal</p>

		<p>menyaksikan syarikat tersenarai dalam tiga bursa saham iaitu di Malaysia, Singapura dan Hong Kong. Penyenaraian ini juga berpotensi mencairkan pegangan pemegang saham semasa apabila 800 juta saham bakal berada dalam pasaran. Keperluan untuk penyenaraian juga dipersoalkan kerana Syarikat mempunyai baki tunai yang sihat untuk melaksanakan rancangan pertumbuhannya.</p>
08.12.21 (Rabu) 11.00 pagi	Gamuda Bhd (EGM)	<p>Gamuda telah mencadangkan pelaksanaan Skim Opsyen Saham Pekerja (<i>Employee Share Option Scheme, ESOS</i>) sehingga 10% daripada jumlah bilangan saham biasa yang diterbitkan dalam Gamuda untuk pekerja dan pengarah eksekutif Gamuda serta anak syarikatnya yang berkelayakan.</p>
08.12.21 (Rabu) 11.30 pagi	Scientex Bhd (AGM)	<p>Pendapatan Scientex meningkat 3.9% tahun ke tahun kepada RM3.7 bilion pada tahun kewangan 2021 daripada RM3.5 bilion pada tahun kewangan 2020, manakala keuntungan bersih menyaksikan lonjakan 17.2% kepada RM457.2 juta pada tahun kewangan 2021 daripada RM390.1 juta pada tahun kewangan 2020.</p> <p>Prestasi kewangan yang kukuh ini didorong oleh bahagian hartanah syarikat yang mencatatkan peningkatan 20.4% dan 16.2% masing-masing dalam pendapatan dan keuntungan operasi.</p> <p>Sementara itu, jumlah jualan bahagian pembungkusan</p>



		menyaksikan penyusutan 2.3% kepada RM2.49 bilion manakala keuntungan operasinya mencatatkan peningkatan marginal 1% kepada RM253.56 juta.
09.12.21 (Khamis) 10.30 pagi	Jaycorp Bhd (AGM)	Syarikat menunjukkan prestasi yang baik sewaktu pandemik kerana keuntungan bersih meningkat kepada RM28 juta pada tahun kewangan 2021 berbanding RM16 juta pada tahun sebelumnya, disumbangkan oleh perniagaan perabot yang sebahagian besarnya untuk pasaran eksport. Pada tahun kewangan akan datang, Syarikat mungkin memfokuskan kepada transaksi urus niaga dalam talian bagi meningkatkan jualan kerana banyak pameran perabot dan ekspo perdagangan telah dibatalkan akibat pandemik.
09.12.21 (Khamis) 03.00 petang	Kamdar Group (M) Bhd (AGM)	Kamdar merekodkan kerugian bersih RM5.5 juta untuk tempoh kewangan berakhir 30 Jun 2021 ("tempoh kewangan berakhir 2021") berbanding kerugian RM2.8 juta pada tahun kewangan 2020, terutamanya disebabkan oleh sekatan keluar masuk dan perintah kawalan pergerakan.  Melangkah ke hadapan, Kumpulan merangka strategi untuk menyelaraskan operasi dan melaksanakan langkah-langkah pengurangan kos dalam mendepani prospek yang mencabar pada tahun akan datang.
10.12.21 (Jumaat) 10.00 pagi	Komarkcorp Bhd (EGM)	Komarkcorp berhasrat mendapatkan kelulusan pemegang saham bagi terbitan hak untuk melaksanakan penerbitan

		sehingga 817.82 juta saham dengan 272.6 juta waran percuma berdasarkan tiga saham hak dengan satu waran percuma bagi setiap tiga saham dalam Komarkcorp yang dipegang oleh pemegang saham.
--	--	--

**Perkara penting untuk diketengahkan:**

<b>Syarikat</b>	<b>Perkara/ Isu untuk diketengahkan</b>
Tiger Synergy Bhd (AGM)	<p>Termasuk dalam bayaran pendahuluan Kumpulan ialah pendahuluan untuk projek siap guna (<i>turnkey</i>) berjumlah RM39,301,374 (31.12.2019: RM39,301,374) yang dibayar kepada kontraktor untuk projek pembinaan menurut perjanjian siap guna. Bayaran pendahuluan ini perlu dibayar balik melalui sijil pembayaran interim iaitu apabila jumlah terkumpul nilai diperakui bagi kerja-kerja kontraktor yang dilaksanakan (termasuk jumlah yang diperakui untuk bahan-bahan di tapak) mencapai 75% daripada jumlah nilai kontrak bagi kerja kontrak. (Halaman 93, Laporan Tahunan)</p> <p>a) Mengapakah Kumpulan memberikan pendahuluan siap guna kepada kontraktor sebelum pembinaan dimulakan kerana lazimnya kontraktor akan dibayar untuk kerja-kerja yang sudah disiapkan secara berperingkat?</p> <p>b) Sila namakan kontraktor yang menerima wang pendahuluan daripada Kumpulan berjumlah RM39,301,374?</p> <p>c) Sila namakan projek hartanah yang diberikan oleh Kumpulan kepada kontraktor.</p> <p>d) Bilakah tarikh jangkaan siap untuk projek hartanah yang dilaksanakan oleh kontraktor?</p> <p>e) Apakah tahap kemajuan projek hartanah yang dijalankan oleh kontraktor?</p> <p>f) Adakah terdapat sebarang kemajuan dalam kerja-kerja pembinaan untuk projek hartanah yang dijalankan oleh kontraktor kerana tiada apa-apa perubahan dalam pendahuluan siap guna kepada kontraktor sejak dua tahun kewangan yang lalu?</p>

	g) Apakah remedi yang tersedia kepada Kumpulan sekiranya kontraktor tersebut gagal menyiapkan projek hartanah yang diberikan?
Tiger Synergy Bhd (EGM)	<p>Skim Opsyen Saham Pekerja Syarikat ("ESOS") telah dimulakan pada 29/5/2014. Ia adalah untuk tempoh 5 tahun dan telah dilanjutkan selama 5 tahun lagi. Ia akan tamat pada 1 Oktober 2024 seperti yang dinyatakan di halaman 105, Laporan Tahunan 2021.</p> <p>a) Apakah tujuan Syarikat melaksanakan satu lagi ESOS sedangkan sudah terdapat ESOS sedia ada yang akan tamat tempoh pada 1/10/2024?</p> <p>b) Berapakah jumlah ESOS yang masih berbaki setakat 30/6/2021?</p> <p>c) Sila berikan nama dan kuantiti saham ESOS yang diberikan kepada pengarah dan pengurusan kanan Kumpulan secara individu sejak awal pelaksanaannya sehingga 30/6/2021?</p>
YTL Power International Bhd (AGM)	<p>Status projek</p> <p>a) Laporan Tahunan 2021 tidak menyatakan apa-apa maklumat terkini mengenai status loji jana kuasa arang batu Tanjung Jati A 660MW 80% milik YTL Power di Jawa Barat. Tanjung Jati Power memeterai perjanjian pembelian tenaga (<i>Power purchase agreement</i>, PPA) selama 30 tahun dengan PT PLN (Persero), syarikat utiliti milik kerajaan Indonesia. PPA yang ditandatangani pada Disember 2015 dengan versi yang dipinda dan dinyatakan semula telah dilaksanakan pada Mac 2018.</p> <p>Bilakah pemegang saham boleh mengharapkan pengkomersialan dan sumbangan daripada projek ini? Sila maklumkan perkembangan terkini dan status projek ini.</p> <p>b) Attarat Power Company ("APCO") yang 45% kepentingan dimiliki oleh YTL Power dijangka memulakan operasi komersial pada penghujung separuh kedua 2021 (halaman 20, Laporan Tahunan 2021). Walau bagaimanapun, kerajaan Jordan dan National Electric Power Company ("NEPCO") telah memulakan prosiding timbang tara berkenaan PPA yang ditandatangani dengan APCO pada Disember 2020.</p> <p>Apakah status prosiding timbang tara? Adakah isu undang-undang yang berlarutan akan menangguhkan permulaan projek?</p>

<p>MK Land Holdings Bhd (AGM)</p>	<p>Kumpulan merupakan salah satu pembida yang berjaya untuk projek Pembangunan Loji Fotovolta Suria Berskala Besar (<i>Large Scale Solar Photovoltaic Plants, LSSPV</i>). (Halaman 3, Laporan Tahunan)</p> <p>a) Apakah tempoh kontrak LSSPV?</p> <p>b) Berapakah jangkaan perbelanjaan modal untuk membina LSSPV?</p> <p>c) Berapa lamakah tempoh bayaran balik (dalam tahun) untuk LSSPV?</p>
<p>YTL Corporation Bhd (AGM)</p>	<p>Syarikat mengalami kerugian selepas cukai pertama dalam tempoh lima tahun untuk tahun kewangan 2021 berjumlah RM327.4 juta berbanding keuntungan selepas cukai RM4.6 juta pada tahun kewangan 2020. Ini disebabkan kesan pandemik terhadap beberapa perniagaannya. (Halaman 12, Laporan Tahunan 2021)</p> <p>Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Syarikat untuk kembali menjana keuntungan pada tahun kewangan berakhir 2021?</p>
<p>MESB Bhd (AGM)</p>	<p>Syarikat mula menceburi e-Dagang melalui platform dalam talian <a href="http://www.miroza.com.my">www.miroza.com.my</a>. Pandemik telah menyaksikan ramai pelanggan beralih kepada pembelian dalam talian disebabkan pelbagai sekatan keluar masuk dan perintah kawalan pergerakan.</p> <p>a) Berapakah jumlah jualan yang diperolehi daripada platform dalam talian berbanding jualan keseluruhan pada tahun kewangan berakhir 2021?</p> <p>b) Berapakah kos untuk membangunkan platform ini?</p> <p>c) Apakah rancangan Syarikat untuk mengembangkan lagi jualan dalam taliannya?</p>
<p>Malayan Cement Bhd (AGM)</p>	<p>Syarikat memperkenalkan dua rangkaian konkrit khusus baharu yang dilancarkan dalam tempoh kewangan berakhir 2021. Aquabuild, konkrit berpermukaan mudah tembus untuk pengurusan air hujan yang berkesan dan Decobuild, konkrit estetik untuk lantai dan permukaan jalan berturap.</p> <p>a) Bagaimanakah sambutan terhadap dua produk ini dari segi jualan?</p> <p>b) Apakah produk lain yang bakal dilancarkan dalam tahun kewangan berakhir 2022 dan sasaran jualannya?</p>

Multi-Usage Holdings Bhd (AGM)	<p>Pada 19 Julai 2021, Multi-Usage Cement Products Sdn Bhd ("MUCP"), anak syarikat milik penuh Multi-Usage Holdings Bhd, menandatangani perjanjian Jual Beli dengan Muda Paper Mills Sdn. Bhd. bagi pelupusan aset tetap MUCP dengan jumlah pertimbangan RM12.5 juta. (Halaman 9 dan 73, Laporan Tahunan)</p> <p>a) Apakah asas yang digunakan untuk mengira harga pelupusan aset MUCP?</p> <p>b) Apakah impak daripada pelupusan aset MUCP kepada keputusan kewangan Kumpulan?</p> <p>c) Bilakah pelupusan dijangka selesai memandangkan prasyarat yang ditetapkan dalam perjanjian jual beli masih belum dipenuhi setakat 30/6/2021?</p> <p>d) Apakah rancangan Kumpulan terhadap wang tunai RM12.5 juta yang diterima? Adakah Syarikat akan mempertimbangkan untuk membayar dividen sebagai ganjaran kepada pemegang sahamnya?</p> <p>e) Adakah Kumpulan sudah mengenal pasti sebarang usaha perniagaan baharu selepas pelupusan aset tetap MUCP? Jika ya, sila namakan perniagaan baharu ini?</p>
Gamuda Bhd (AGM)	<p>1. Perbelanjaan operasi lain mengalami lonjakan ketara daripada RM2,164,000 pada tahun kewangan 2020 kepada RM71,648,000 pada tahun kewangan 2021 (Halaman 195, Laporan Tahunan 2021).</p> <p>Apakah yang menyebabkan peningkatan ketara dalam perbelanjaan operasi lain?</p> <p>2. <u>Kejuruteraan dan Pembinaan</u></p> <p>a) Apakah kemajuan terkini projek-projek yang sedang dijalankan? Adakah projek disiapkan mengikut jadual?</p> <p>b) Kumpulan disokong oleh buku pesanan pembinaannya berjumlah RM4.5 bilion, yang akan membantu kelangsungan Kumpulan bagi tempoh dua tahun akan datang (Halaman 15, Laporan Tahunan 2021).</p> <p>Apakah sasaran penambahan buku pesanan daripada pasaran tempatan dan antarabangsa dalam tempoh dua tahun kewangan akan datang?</p> <p>c) Projek MRT3</p>

	<p>“Gamuda telah mengusulkan kepada kerajaan, untuk projek MRT3, pembiayaan untuk dua tahun pertama akan ditanggung oleh Gamuda di bawah inisiatif kewangan swasta (<i>private finance initiative, PFI</i>), memandangkan kewangan kerajaan ketika ini adalah terhad. Selepas tamat tempoh dua tahun, projek itu kemudiannya akan diserahkan kepada kerajaan apabila lebih banyak ruang fiskal tersedia. Gamuda bercadang untuk memegang peranan sebagai pengurus projek”, sumber memaklumkan The Edge. (Sumber: The Edge Markets bertarikh 22 November 2021).</p> <p>Apakah perkembangan terkini mengenai cadangan di atas?</p> <p>d) Australia bakal menjadi pasaran utama Gamuda pada tahun-tahun akan datang dan Kumpulan menjangkakan pasaran ini menyumbang kepada separuh daripada buku pesanan kejuruteraan dan pembinaan baharu syarikat dalam masa terdekat (Halaman 15, Laporan Tahunan 2021).</p> <p>i) Adakah Kumpulan membuat tender secara aktif untuk apa-apa projek di Australia? Jika ya, apakah tender projek itu dan berapakah nilai kontrak yang dijangka akan diberikan kepada Kumpulan di bawah tender projek semasa?</p> <p>ii) Apakah kelebihan daya saing yang dimiliki oleh bahagian itu berbanding syarikat seumpamanya dalam pasaran Australia?</p>
<p>Scientex Bhd (AGM)</p>	<p>Pada 8 November 2021, tawaran pengambilalihan sukarela tanpa syarat Scientex terhadap Daibochi Berhad telah ditutup, namun Scientex belum dapat mengumpulkan 90% kepentingan yang diperlukan untuk menswastakan Daibochi. Terkini, Scientex memegang 71.9% kepentingan ekuiti dalam Daibochi.</p> <p>a) Apakah perancangan Scientex untuk Daibochi?</p> <p>b) Sewaktu Syarikat melancarkan tawaran pengambilalihan mandatori bersyarat ke atas Daibochi pada tahun 2019, rancangannya adalah untuk mengekalkan status penyenaiaan. Tetapi kini, Syarikat merancang untuk menswastakan Daibochi.</p>

	Apakah yang menyebabkan perubahan dalam strategi Scientex?
Jaycorp Bhd (AGM)	<p>Pendapatan daripada segmen tenaga boleh diperbaharui menyusut daripada RM8.9 juta pada tahun kewangan 2020 kepada RM8.5 juta pada tahun kewangan 2021. (Halaman 19, Laporan Tahunan 2021)</p> <p>Perniagaan tenaga boleh diperbaharui mempunyai potensi yang besar kerana permintaan untuk tenaga lestari dijangka meningkat dengan pesat pada masa hadapan.</p> <p>Apakah perancangan Syarikat untuk memajukan lagi perniagaan tenaga boleh diperbaharuinya?</p>
Kamdar Group (M) Bhd (AGM)	<p>Kumpulan telah mengiktiraf dalam penyata kewangannya, penurunan nilai inventori berjumlah RM3.9 juta dalam tempoh kewangan berakhir 2021 (tahun kewangan 2020: RM0.7 juta) (Nota 8, halaman 97, Laporan Tahunan 2021).</p> <p>a) Apakah jenis inventori yang telah diturunkan nilai dalam tempoh kewangan berakhir 2021?</p> <p>b) Apakah faktor yang mencetuskan keperluan untuk menurunkan nilai inventori tersebut?</p> <p>c) Dalam ekonomi yang tidak menentu akibat pandemik, yang mungkin memberi kesan terhadap kebolehsualan inventori, adakah syarikat menjangkakan pertambahan kepada penurunan nilai inventori pada tahun kewangan 2022?</p> <p>d) Adakah Syarikat sudah menyesuaikan diri dengan apa-apa perubahan berkaitan COVID-19 dalam trend dan kecenderungan pelanggan dan seterusnya memperhalusi dasar inventori Kumpulan?</p>
Komarkcorp Bhd (EGM)	<p>Pada 1 November 2021, Komarkcorp telah memasang dan kini mengendalikan 23 barisan pengeluaran untuk pelitup muka tiga lapis dan satu barisan pengeluaran untuk pelitup muka respirator. Dengan ini, perniagaan pelitup muka syarikat mempunyai kapasiti pengeluaran tahunan sebanyak 276 juta unit pelitup muka tiga lapis dan 12 juta unit pelitup muka respirator.</p> <p>Melangkah ke hadapan, Komarkcorp bercadang untuk menyediakan 79 lagi barisan pengeluaran untuk pelitup muka tiga lapis dan 25 barisan pengeluaran untuk pelitup muka respirator, menjadikan jumlah barisan pengeluaran masing-masing kepada 102 dan 26 (halaman 13 Pekeliling bertarikh 23 November 2021).</p>

	<p>a) Berapakah jangkaan Kadar Pulangan Dalam (Internal Rate of Return, IRR) daripada perniagaan pelitup muka?</p> <p>b) Terdahulu, Komarkcorp telah mengumpul kira-kira RM47.78 juta daripada dua pelaksanaan penempatan persendirian untuk membiayai penubuhan perniagaan pelitup muka. Berapa banyakkah daripada terimaan yang diperolehi telah dibelanjakan untuk menubuhkan dan mengembangkan perniagaan syarikat?</p> <p>c) Apakah kadar penggunaan semasa untuk barisan pengeluaran pelitup muka Komarkcorp?</p> <p>d) Berapakah anggaran perbelanjaan modal yang diperlukan untuk menyediakan 104 barisan pengeluaran untuk pelitup muka tiga lapis dan pelitup muka respirator?</p>
--	--

### PEMANTAUAN KORPORAT MSWG

Devanesan Evanson, Ketua Pegawai Eksekutif, ([devanesan@mswg.org.my](mailto:devanesan@mswg.org.my))  
 Linnert Hoo, Ketua, Penyelidikan & Pembangunan, ([linnert.hoo@mswg.org.my](mailto:linnert.hoo@mswg.org.my))  
 Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([norhisam@mswg.org.my](mailto:norhisam@mswg.org.my))  
 Lee Chee Meng, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([chee.meng@mswg.org.my](mailto:chee.meng@mswg.org.my))  
 Elaine Choo Yi Ling, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([elaine.choo@mswg.org.my](mailto:elaine.choo@mswg.org.my))  
 Lim Cian Yai, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([cianyai@mswg.org.my](mailto:cianyai@mswg.org.my))  
 Ranjit Singh, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([ranjit.singh@mswg.org.my](mailto:ranjit.singh@mswg.org.my))  
 Rita Foo, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([rita.foo@mswg.org.my](mailto:rita.foo@mswg.org.my))  
 Nor Khalidah Mohd Khalil, Eksekutif, Pemantauan Korporat, ([khalidah@mswg.org.my](mailto:khalidah@mswg.org.my))

---

### PENDEDAHAN KEPENTINGAN

*Berkenaan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memiliki jumlah saham minimum dalam semua syarikat yang diliputi dalam surat berita ini.*

---

### PENOLAKAN TUNTUTAN

*Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholders Watch Group (MSWG).*

*Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walaubagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jempunan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.*



*MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.*

*MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini..*